

26 JUN 2003

Parlimen-Komputer

ANAK PERDANA MENTERI TIDAK TERLIBAT DALAM KONTRAK KOMPUTER BIMBIT SEKOLAH

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini dimaklumkan bahawa tiada seorang pun anak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mendapat kontrak untuk membekalkan komputer bimbit ke sekolah-sekolah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Khir menjelaskan perkara itu semasa menjawab soalan asal Hassan Mohamed (PAS-Besut) yang ingin tahu sekiranya ada syarikat-syarikat yang membekal komputer tersebut dimiliki oleh anak Perdana Menteri.

"Berdasarkan profil yang dikemukakan oleh setiap syarikat (yang mendapat kontrak itu), tiada nama anak-anak Perdana Menteri yang tersenarai sebagai pemilik ataupun Lembaga Pengarah," katanya.

Mahadzir berkata sepuluh syarikat yang berjaya mendapat kontrak itu terdiri daripada Apex Communication Sdn Bhd, IGIV Technology Sdn Bhd, Metronics Engineering Sdn Bhd, MHS Resources Sdn Bhd, Mimos Smart Computing Sdn Bhd, Nuinfra Consolidated Sdn Bhd, Primabumi Sdn Bhd, Saluran Fajar Sdn Bhd, SJA Trade and Services Sdn Bhd dan Stack Integrator Sdn Bhd.

Beliau berkata sejumlah 48,639 komputer bimbit telah disalurkan kepada sekolah-sekolah tahun ini dengan harga seunit komputer antara RM5,500 dan RM5,800, bergantung kepada jenama.

Menjawab soalan Wan Nik Wan Nik Yusoff (PAS-Bachok), Mahadzir berkata enam syarikat dilantik secara runding terus oleh kementerian itu untuk membangunkan perisian kursus lengkap bagi matapelajaran matematik, sains dan bahasa Inggeris untuk digunakan di sekolah-sekolah.

Syarikat-syarikat ini dipilih berdasarkan pengalaman mereka yang luas dan memiliki teknologi yang canggih, katanya.

"Kementerian tidak pernah ambil pihak syarikat menghasilkan perisian kursus secara "seborono"," katanya.

Beliau juga berkata kementerian sentiasa memantau penggunaan komputer itu di sekolah-sekolah, dan telah memperuntukan RM10,000 bagi setiap sekolah menengah dan RM5,000 bagi setiap sekolah rendah untuk tujuan-tujuan penyelenggaraan.

Menurutnya peruntukan itu boleh digunakan untuk membaiki komputer-komputer terbabit sekiranya terdapat sebarang masalah, dan ia juga boleh digunakan untuk membiayai pemasangan ciri-ciri keselamatan yang dirasakan perlu untuk melindungi komputer tersebut, seperti keperluan menyediakan bilik berjerjak untuk menyimpannya.

-- BERNAMA.

HK AZH